

781

KOLOKSIUM SEJARAH NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Sejarah dalam Proses Pembangunan

KERTASKERJA NO. 1


RIWAYAT SELANGOR DARUL EHSAN

oleh

Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim



anjukan
Jabatan Sejarah Universiti Malaya
dengan kerjasama
Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan



M
959.5115
KOL

21 Januari 1989
di Rumah Universiti, Universiti Malaya
Kuala Lumpur

491634
APB

W
959.515
KOL

17 MAY 1988

Perpustakaan Negara
Malaysia

RIWAYAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN

Pada tahun 1988, Selangor berusia 222 tahun. Selangor bukan kerajaan Semenanjung yang paling tua; juga bukan yang paling muda. Daripada jumlah 222 tahun itu, lebih separuhnya jatuh di bawah pemerintahan hanya tiga orang sultan (Sultan Ibrahim 1782-1826, Sultan Abdul Samad 1857-1898 dan Sultan Alauddin Sulaiman Shah 1898-1938). Kesemuanya, dalam jangkamasa 222 tahun itu, Selangor mempunyai tujuh orang sultan - lapan, kalau dikira sultan pada zaman pendudukan Jepun.

Kesultanan Selangor bermula pada lewat 1766 apabila Raja Lumu, Raja Selangor, telah ditabalkan oleh Sultan Mahmud, Perak, di Kota Lumut yang terletak di Hilir Perak, tidak begitu jauh dari Pasir Salak di mana darah J.W.W. Birch telah mengalir pada lewat tahun 1875. Sultan Selangor yang pertama itu memakai nama 'Salehuddin'.

Sebelum Selangor (maksudnya Sungai Selangor) dan jajahan takluknya muncul sebagai sebuah unit politik yang utuh, kawasan-kawasan yang berkenaan itu - yang utama, selain daripada Sungai Selangor sendiri, ialah dari utara ke selatan, Sungai Bernam, Sungai Jeram, Sungai Klang, Sungai Langat-Jugra, Sungai Lukut dan Sungai Raya - pernah menjadi jajahan takluk Kerajaan Melaka Tua. Selangor dan Klang ada ditunjukkan dalam peta yang digunakan oleh Laksamana Cheng Ho; Klang dan Jeram pula ada disebutkan

dalam Sejarah Melayu. Tun Perak, sebelum menyandang jawatan Bendahara Melaka, telah dilantik sebagai Penghulu Klang dan Paduka Sri China, seorang putera Sultan Mansur Shah, Melaka, pernah dilantik sebagai Raja Jeram. Pada zaman Sultan Alauddin Shah, Sultan pertama Johor Lama, ketua Klang memakai gelaran Mandulika dan yang menjaga kawasan Sungai Selangor ialah Sri Agar Diraja.¹

Sejarah Kerajaan Selangor bermula di laut. Pada lewat kurun ke-17, orang Bugis mula menetap di Sungai Selangor, mula-mula tanpa restu daripada Kerajaan Johor. Waktu itu Sungai Selangor, sebagaimana juga sebahagian besar Semenanjung Tanah Melayu, menjadi jajahan takluk Kerajaan Johor. Pada awal kurun ke-18, Johor memperkenankan penetapan orang Bugis di Sungai Selangor. Sementara itu orang Bugis juga telah membuat petempatan di Linggi (Kuala Linggi sekarang).²

Orang Bugis adalah bangsa pelaut. Sebelum mereka menetap di Selangor dan Linggi, telah ada pedagang Bugis yang berkhidmat dengan ~~pembesar~~-pembesar Johor. Mereka terkenal sebagai pedagang dan kehandalan mereka sebagai askar dihormati. Pada tahun 1713 dan sekali lagi 1722, mereka diupah untuk membantu salah satu daripada pihak-pihak yang terlibat dalam perang saudara di Kedah.³

Kekuatan mereka semakin meningkat dan sampai kepada puncaknya bila mereka membantu Raja Sulaiman, putera Sultan (bekas-Bendahara) Abdul Jalil, mengusir Raja Kecil dari Johor pada

tahun 1721. Selanjutnya, orang Bugis juga yang mengangkat Raja Sulaiman sebagai sultan Johor. Daeng Marewa, ketua orang Bugis, dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda, Johor. Jawatan itu seterusnya dimonopoli oleh orang Bugis.⁴

Pengukuhan kedudukan orang Bugis berlaku hampir serentak di Johor dan di Sungai Selangor. Pentingnya Sungai Selangor, sebagaimana Linggi juga, pada waktu itu ialah sebagai pengeksport bijih timah. Dengan menguasai kawasan-kawasan itu, orang Bugis menjadi semakin kaya dan mampu membeli banyak alat senjata. Johor sedar tentang hakikat itu dan Sultan (bekas-Bendahara) Abdul Jalil, sebelum diusir oleh Raja Kecil, pernah cuba mematahkan kekuatan orang Bugis tetapi gagal.⁵ Selepas tahun 1721, Johor tidak lagi berjaya membebaskan diri daripada cengkaman orang Bugis. Hanya kuasa Belanda yang setanding dengan kuasa Bugis di SelataMelaka.

Namun demikian, persaingan di antara kerajaan Melayu Johor dengan orang Bugis tetap bersambung sepanjang masa pemerintahan Sultan Sulaiman. Sultan Mansur Shah (sultan kedua Terengganu) terlibat. Dari tahun 1746 hingga 1759, Sultan Mansur, menantu Sultan Sulaiman, cuba mengukuhkan pemerintahan Melayu di Johor yang berpusat di Riau.⁶ Di bawah kepimpinan Daeng Kemboja, Yamtuan Muda Johor 1746-1777, orang Bugis berjaya mematahkan segala strategi untuk menundukkan mereka. Selepas Sultan Sulaiman mangkat, pada tahun 1760, Daeng Kemboja menjadi de facto pemerintah kerajaan Johor. Pada tahun 1765, Gabenor Belanda di Melaka me-